

(26 November 2020) Sinar, p.9

Malaysia catat 2,348 kes pulih Covid-19

Kes sembuh harian tertinggi direkodkan dalam tempoh 24 jam

PUTRAJAYA

Malaysia mencatatkan 2,348 kes sembuh daripada jangkitan koronavirus (Covid-19) semalam yang tertinggi pernah direkodkan dalam tempoh 24 jam, sementara kes harian baharu menurun kepada tiga angka dengan 970 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kumulatif kes sembuh

sepenuhnya daripada Covid-19 adalah 46,501 kes atau 77.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, manakala jumlah kes positif 59,817 kes dan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 pula adalah 12,971 kes.

Menurutnya, daripada 970 kes baharu semalam, terdapat lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan 965 kes adalah merupakan penularan Covid-19 dalam negara.

"Sehingga kini, terdapat 110 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana



DR NOOR HISHAM

47 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Negeri Sembilan melaporkan kes harian tertinggi dengan 318 kes (32.8 peratus), diikuti Sabah (293 kes/30.2 peratus) dan Selangor (115 kes/11.9

peratus).

Beliau berkata, terdapat pertambahan empat kes kematian berkaitan Covid-19 semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia sebanyak 345 kes (0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

- Bernama

Jawatankuasa nilai permohonan pendekkan tempoh kuarantin

PUTRAJAYA - Jawatankuasa Khas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuat penilaian risiko terhadap permohonan untuk memendekkan tempoh kuarantin selama 14 hari.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setiap permohonan perlu disertakan dengan alasan munasabah.

"Kita ada juga memberi pertimbangan untuk memendekkan tempoh contohnya hari ke-12 dan ke-13 berikutan ada yang perlu menduduki peperiksaan atau urusan pernikahan," katanya di sini semalam.

Menurutnya, ujian kedua yang sepatutnya dibuat pada hari ke-13 pula diawalkan kepada hari ke-11 atau 12.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU
59,817	46,501	110	345	+970



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 25 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 58,847 kes kepada 59,817 kes

